

BAB  
KETIGA

## BAB KETIGA

### AYAT-AYAT *MUTASHĀBIHĀT* DALAM AL-QURAN

#### PENDAHULUAN

Di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang terang dan jelas maknanya dan ayat-ayat yang samar-samar maknanya. Oleh itu, timbul salah faham dalam tafsiran ayat-ayat tersebut, ada yang mentafsirkan dengan makna zahirnya dan ada pula yang mentafsirkan dengan cara takwil.

Timbulnya salah faham tentang ayat-ayat al-Quran ialah kerana kebanyakan orang Islam masih tidak memahami kelebihan al-Quran yang diturunkan dengan keindahan bahasanya dan keelokkan susunannya, yang mana setiap individu perlu mahir dan pakar dalam bidang bahasa Arab dan kesusasteraanya.

Oleh yang demikian, ayat-ayat al-Quran ada yang dikenal sebagai ayat *muhkamāt* iaitu ayat yang jelas dan kukuh dari segi maknanya yang tidak perlu diterjemahkan maksudnya. Manakala ayat yang lain disebut ayat *mutashābihāt*

iaitu ayat yang tidak jelas dan samar-samar yang perlu kepada penjelasan, sebagaimana firman Allah Taala:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُّحْكَمَاتٌ  
هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَآخَرُ مُسْتَشَبِّهَاتٍ فَأَنَّا الدِّينَ فِي قُلُوبِهِمْ  
رَبِيعٌ فَيَسْعَوْنَ مَا أَشَابَهَ مِنْهُ أَبْغَلْفُلَّةً وَأَبْغَاءً تَأْوِيلَهُ وَمَا  
يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آتَنَا بِهِ  
كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا ۖ ۱۰۰

Terjemahan: "Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci (al-Quran). Sebahagian besar daripadanya ialah ayat-ayat "muhkamat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat "muhkamat" itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran, dan yang lain lagi ialah ayat "mutashabihat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah saham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) ada pun orang-orang yang ada di dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada al-Quran untuk mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Pada hal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah, dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuan nya dalam ilmu agama, berkata: kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi tuhan kami"

---

<sup>1</sup>Surah Ali 'Imrān: 7.

Ayat-ayat *mutashābihāt* menunjukkan tanda kebesaran ilmu Allah Taala yang menguatkan lagi kemukjizatan al-Quran. Adapun tafsiran ayat-ayat *mutashābihāt* perlu kepada penelitian yang mendalam kerana semua ayat-ayat tersebut berkaitan dengan sifat-sifat Allah yang mensabitkan kepada Allah Taala seperti muka, tangan melihat, kaki dan lain-lain dari anggota *jawārih* yang menyerupai manusia. Dalam soal ini, pengertian *jawārih* yang diisbatkan kepada Allah tidak wujud, kerana kemestian sifat makhluk itu tidak mesti dikaitkan dengan Allah. Oleh kerana kelaziman sifat makhluk tidak semestinya dikaitkan dengan sifat Allah s.w.t, kerana di antara *khālik* dan makhluk tidak ada persamaan, seperti firmanNya:

لَيْسَ كَمُتَّلِّهٖ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ<sup>2</sup>

Terjemahan: "...Tidak ada sesuatu yang seumpamanya dan Dia (Allah) amat mendengar lagi amat melihat"

Al-Quran adalah kitab yang diturunkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w sebagai petunjuk dan hidayah kepada umat manusia. Di dalam al-Quran terdapat ajaran-ajaran yang meliputi akidah. Allah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w sebagai rahmat seluruh alam. Sebagaimana firman Allah Taala:

---

<sup>2</sup>Surah al-Shura: 11.

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هُنَّ أَقْوَمُ...<sup>3</sup>

Terjemahan: "Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam)"

Kajian ini menumpukan kepada satu ciri dalam akidah Islam iaitu ayat-ayat *mutashābihāt* dalam akidah Islam. Memandangkan dunia hari ini semakin maju dan manusia semakin jauh dari al-Quran dan ajaran-ajarannya, ini jelas apabila timbul sesuatu yang berhubungkait dengan hukum agama mereka jahil dan keliru.

Sebaliknya mereka tidak mahu belajar dan mendengar ajaran al-Quran yang penuh dengan segala macam rahsia kemukjizatannya. Oleh itu berlakulah salah faham tentang ayat-ayat al-Quran, di mana mereka mentafsirkan ayat-ayat itu mengikut selera mereka tanpa menghiraukan kepentingan al-Quran sebagai kitab Allah. Sebenarnya ayat-ayat al-Quran tidak membawa kekeliruan walaupun berlaku perbezaan fahaman tetapi ia tetap menjaga kepentingan perpaduan umat Islam, ini jelas dinyatakan dalam al-Quran:

---

<sup>3</sup>Surah al-Isra': 9.

كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ قُرآنًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ<sup>4</sup>

Terjamahan: "Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; iaitu al-Quran yang diturunkan dengan bahasa arab, bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya"

Oleh yang demikian itu, kajian ini menumpukan kepada ayat-ayat *mutashābihāt* dalam akidah supaya ia dapat memberi manfaat kepada umat Islam. Dengan cara ini mereka dapat mengetahui betapa agung dan mulia al-Quran bagi umat Islam. Allah s.w.t memelihara al-Quran hingga hari ini dari segala kecacatan dan penyelewengan, sebagaimana firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ<sup>5</sup>

Terjemahan: "Bahwasanya Kami (Allah) telah menurunkan al-Quran dan Kami yang sungguh memeliharanya"

---

<sup>4</sup>Surah Fuṣṣilat: 2.

<sup>5</sup>Surah al-Hijr: 9.

Walaupun media massa hari ini cukup banyak sama ada media elektronik dan media cetak namun masalah ayat-ayat *mutashābihāt* belum dapat dihursti dan dijelaskan, ini memerlukan kajian yang jitu untuk membuka dan mengupas satu persatu isi al-Quran dan ilmunya yang luas.

Oleh kerana kekurangan ilmu pengetahuan dan salah faham dan tafsiran al-Quran membawa kepada kekeliruan dan penyelewengan dalam Islam. Inilah faktor utama yang melahirkan fahaman salah dan ajaran sesat di Malaysia.

Dengan kembalinya hukum Allah kepada asasnya dan bentuk umum kepada cabangnya, maka kita dapat lihat Islam adalah agama yang kekal abadi untuk manusia sejagat dan menjamin hidup mereka dunia dan akhirat sepanjang masa dan zaman.

### 3.1 PENGERTIAN *MUTASHĀBIIHĀT*

Dalam kajian ini akan dijelaskan pengertian *Mutashābihāt* dari sudut bahasa dan dari sudut istilah.

### 3.1.1 *Mutashābihāt* dari Sudut Bahasa

Perkataan *mutashābihāt* berasal dari bahasa arab. Perkataan diambil dari *ashbaha* dan *shabaha* yang bererti menyerupai. *Mutashābihāt* adalah kata jamak *mutashābih* ertinya perkataan yang menyerupai.

Dalam kitab Lisan al-Arab ada menyebut ungkapan mengenai pengertian ini "*man ashbaha abāhu famā ẓalama*" bermaksud: Sesiapa yang menyerupai bapanya ia tidak melakukan kezaliman, manakala ungkapan yang lain pula "*ashbaha al-rajulu ummahu*" bermaksud lemah. Perkataan *ashbahtu pulānnan*, *shabahtuhu*, *ishtabaha alaiya*, *tashaabaha al-shātāni* dan *ishtabahaa* bererti seiras, dalam al-Quran terdapat *mustabihan wa ghairu mutashābih*, dan *shabbahahu iyyāhu* dan *shabbahahu bihi* iaitu menyerupai. Adapun *mushtābihāt minal umūr* iaitu perkara yang diragui dan *mutashābihāt* perkara yang serupa, *tashabbaha pulānon bi kadha* iaitu yang serupa dengan yang lain, dan *tashbīh* bererti contoh<sup>6</sup>.

---

<sup>6</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, 17: (Kaherah, s.n, t.tkh) m.s. 397-398.

Dalam hadith Hudhaifah menyebut *tashbih* dengan makna fitnah: "*Tushabbihi muqbilatun wa tubaiyyinu mudbiratun*" yang bermaksud fitnah. *Shubha* ialah keraguan dan *umurun mushtabihatun* serta *mushabbaha* iaitu sangsi pada sesuatu yang serupa dengan yang lain.<sup>7</sup>

Manakala kitab Tajul ḨArus menyebut pengertian *shibhu* dan *shabhu* dengan serupa kata jamaknya ialah *ashbah*, *shabahahu* dan *ashbahahu* iaitu menyerupai bermaksud lemah, sebagaimana Ibn al-ḤArabi menyebut dalam syi'irnya:

أَصْحَحُ فِيهِ شَبَهٌ مِّنْ أَنْهِ  
مِنْ عَظَمِ الرَّأْسِ وَمِنْ خَرْطُومِهِ

*Tashābahā* dan *ishtabahā* serupa dengan yang lain hingga menimbulkan keraguan contohnya firman Allah Taala *mushtabihān wa ghairu mutashābih*. *Shabbahahu iyāhu* dan *bihi tashbihān* iaitu menyerupainya, dan *umurun mushtabihah* dan *mushabbahah* iaitu keraguan seperti disebut dalam syi'ir:

---

<sup>7</sup> *Ibid.* 397-398

## واعلم بِأَنْكَ فِي زَمَانٍ مُّشَبِّهَاتٍ هُنَّ عَنْهُ

Adapun pengertian *shubhah* iaitu ragu dan serupa contohnya *innī lafi shubhah* dan *shabbaha a'laīhi al-'amru tashbihān* iaitu meragukan. Makna bercampur aduk seperti disebut dalam al-Quran "*al-Muhkam wa al-Mutashābiḥ*, *muhkam* ialah yang diketahui maknanya dan *mutashābiḥ* yang tidak diketahui maknanya dapat difahami manakala yang kedua tidak ada jalan untuk mengetahui hakikat maknanya.

Orang yang mentafsir mengikut hawa nafsunya akan menyebabkan fitnah, sebahagian mereka mengatakan bahawa perkataan itu jika jelas maknanya tidak perlu kepada *nasakh* maka *muhkam* tidak perlu kepada takwil dan jika ia samar yang tidak terdapat padanya bentuk maka ia tidak jelas untuk difahami yang membawa kepada fahaman buta dan menjadi *tashābiha*, al-Dihāk meriwayatkan bahawa *muhkamat* sesuatu yang tidak dimansukhkan dan *mutashābihāt* sesuatu yang dimansukhkan.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup>al-Zahidī, *Tājul Ḫarūs*, 9; m.s 393.

Kitab al-*Şahhāh* menyebut perkataan *shibhun* dan *shabahun* dengan satu pengertian contohnya *hadha shibhuhi* yang bermaksud seriras dan jamaknya *mashābih*. *Shubhah* iaitu keraguan, *mushtābihāt minal umūr* iaitu kecurigaan, *mutashābihāt* iaitu menyerupai. Perkataan *tashābbaha*, *ashbaha*, *shābahahu* dan *ishtabaha* *‘alaīhi* iaitu serupa, manakala *shabahun* dan *shibhun* adalah sejenis tembaga contohnya *kūzu shabahin wa shibhun bi maknā*.<sup>9</sup>

Dalam Asas al-Balaghah mengatakan bahawa: *Ishtabahat al-‘umūr* dan *tashābahat* ialah sesuatu yang bercampur aduk antara satu dengan yang lain. Dalam al-Quran terdapat *muhkam* dan *mutashābih*. Manakala perkataan *shabbaha ‘alaīhi al-‘amru* ertinya ialah perkara yang diragui, dan perkataan *mushabahāt* iaitu kesulitan dalam perkara yang berlaku *shubha* dan *shubuhāt*, juga perkataan *shabahun* dan *shibhun* yang bermaksud dulang.<sup>10</sup>

Dengan keterangan itu, kajian ini ingin merangkumkan hasil pengertian *mutashābih* dari sudut bahasa ialah serupa atau yang samar-samar atau yang satu serupa dengan yang lain sehingga tidak diketahui darinya, kesemuanya mengaitkannya dengan al-Quran, dengan kata lain *mutashābih* sesuatu yang tidak

---

<sup>9</sup>al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr, *Mukhtār al-Şahhāh*, (Dar al-Fikr, 1401H/1981M), m.s 328.

<sup>10</sup>al-Zamakhsharī, *Asās al-Balāghah*, (Dar al-Fikr, 1399H/1979M), m.s 320.

diketahui maksudnya walaupun ia menyerupai yang lain kerana ia mempunyai pengertian yang tertentu.

### 3.1.2 *Mutashābihāt* dari sudut istilah

Pengertian *mutashābihāt* dari sudut istilah terdapat beberapa takrif ulama-ulama yang mentakrifkan *mutashābihāt* dengan pelbagai makna antaranya:

Takrif Pertama iaitu istilah Ulama *Mukallimīn*:

( هو ما عرف معناه واستحال اراده المعنى المعروف منه ، كآيات الصفات )<sup>11</sup>

Terjemahan: "Iaitu yang diketahui maknanya dan tidak wajar dertiikan dengan makna yang zahir seperti ayat-sifat"

Takrif Kedua iaitu istilah Ulama *Mufassirīn*:

( المتشابه مالئم يبطئ معناه من لفظه )<sup>12</sup>

<sup>11</sup> al-<sup>c</sup>Ak, Sheikh Khālid Abd al-Rahman, *Usūl al-Tafsīr Wa Qawā<sup>c</sup>iduh*, cet. 2, (Beirut: Dar al-Nafā'is, 1406H/1987M), m.s 291

<sup>12</sup> al-Zabīdī, *op.cit*: m.s 393.

Terjemahan: "Mutashabih ialah perkataan yang tidak boleh diberi makna lafaznya"

Takrif Ketiga iaitu istilah Ulama *Usūliyyīn*:

( مَا لَا يَسْتَقْدِمُ بِنَفْسِهِ وَاحْتَاجُ إِلَى بَيْانِ يَرْدَهُ إِلَى غَيْرِهِ )<sup>13</sup>

Terjemahan: "Perkataan yang tidak membawa sendirian dan ia memerlukan kepada olahan yang lain"

Takrif pertama dan ketiga tidak ada perbezaan yang ketara dalam pengertian *mutashābihāt* mengikut istilah. Oleh yang demikian itu, *mutashābihāt* perlu kepada keterangan yang lebih panjang dan kupasan yang lebih dalam. Kebanyakkan lafaz *mutashābihāt* tidak ada yang dapat menjelaskan dengan erti yang sebenarnya, melainkan Allah S.W.T; dan orang-orang yang banyak ilmu pengetahuannya, cerdas fikirannya yang kukuh kuat kepercayaannya kepada Allah dan yang mahir dalam ilmu al-Quran.

---

<sup>13</sup> *Ibid*: 393.

Maka *mutashābihāt* di sini bermaksud walaupun ia seakan-akan sama atau serupa perkataannya yang zahir tetapi ia berbeza dari segi maknanya yang sebenar.

### 3.2 MUTASHĀBĪHĀT DALAM AKIDAH

Al-Quran al-Karim sebuah kitab yang mengandungi berbagai-bagai uslub yang menarik hati pendengar apabila dibaca, kerana keelokkannya dari segi bahasanya yang indah seperti *tashbīh* (simile), *kināyah* (kiasan), *mathal* (bidalan) dan *istiṣārah*.<sup>14</sup>

Kandungan isi al-Quran itu sebagai obor yang menerangi jalan kepada manusia supaya berpegang teguh kepada ajarannya iaitu '*amr ma'ruf nahy munkar*' itulah slogan yang mesti dijadikan kekuatan diri seseorang di dalam menghadapi rintangan dan cabaran hari ini yang cukup mencabar. Ayat-ayat al-Quran seolah-olah sebagai pelindung bagi manusia dari menuju ke arah kesesatan dan kemungkaran, dengan menerung dan mentadabbur al-Quran nescaya mereka tidak akan terumbang ambing dalam mencorakkan kehidupan yang baik dan selamat.

---

<sup>14</sup> Penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asal kerana ada hubungan persamaan serta petanda yang menghalang daripada menggunakan pengertian asal.

Apabila menyebut tentang akidah maka tergambar di fikiran kita mengenai Allah Taala sebagai khalik di muka bumi ini. Al-Quran diturunkan untuk menyampaikan kebenaran dalam akidah serta mentauhidkan Allah Taala. Tetapi terdapat nas-nas itu yang menggunakan makna zahir dan ada pula yang disandarkan kepada sesuatu. Semua ini berkait rapat dengan maksud ayat-ayat *mutashābihāt* dan ayat-ayat *muhkamāt*.<sup>15</sup>

Ada pun ayat-ayat *mutashābihāt* dan ayat-ayat *muhkamāt* disebut oleh Allah s.w.t dalam al-Quran dengan firmanNya:

هُوَ الَّذِي أَرْزَقَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُّحْكَمَاتٌ هُنَّ الْكُتُبُ  
وَآخَرُ مُسْتَشَابَاتٍ فَإِنَّا لِذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رُّعْيٌ فَيَسِّعُونَ مَا تَشَابَهُ مِنْهُ  
أَبْيَاعَ الْفِتْنَةِ وَأَبْيَاعَ الْأُولَئِكَ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلُهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّأْسُ حُكْمُونَ  
فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ أَمَّا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا...<sup>16</sup>

Terjemahan: "Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci (al-Quran). Sebahagian besar daripadanya ialah ayat-ayat "muhkamat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat "muhkamat" itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran, dan yang lain lagi ialah ayat "mutashabihat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu

<sup>15</sup> Muhammad Ja'far Shamsuddin, *Dirását Fi al-‘Akidah al-Islāmiyyah*, cet: 1, (Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani, 1977), m.s 11

<sup>16</sup> Surah ali 'Imrān: 7.

*(timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) ada pun orang-orang yang ada di dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada al-Quran untuk mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Pada hal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah, dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu agama, berkata: kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi tuhan kami"*

Sehubungan dengan ini, al-Quran dapat menjelaskan kekaburuan ini dengan ayat lain seperti firman Allah Taala:

١٧ هَلْ يَنْتَظِرُونَ إِلَّا تَأْوِيلَهُ يَوْمَ يَأْتِي تَأْوِيلُهُ...<sup>17</sup>

Terjemahan: "Tidakkah ada perkara yang mereka tungguh-tunggukan melainkan akibat atau kesudahan (apa yang telah dijanjikan oleh Allah di dalam al-Quran) pada hari datangnya apa yang telah dijanjikan di dalam al-Quran itu (pada hari kiamat kelak)"

Al-Quran juga ada menyebut mengenai ayat-ayat al-Quran keseluruhannya adalah **muhkamat** sebagaimana yang disifatkan oleh Allah:

---

<sup>17</sup> Surah al-'A'raf: 53

الرِّكَابُ أَحْكَمَتْ آيَاتٍ...<sup>18</sup>

Terjemahan: "Alif, lam, ra, al-Quran sebuah kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh"

Juga terdapat ayat yang menyebut keseluruhan ayat al-Quran *mutashābihāt*:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كَيْمَانًا مُّشَاهِدًا...<sup>19</sup>

Terjemahan: "Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci al-Quran, yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain tentang benarnya dan indahnya"

Ini tidak bermakna ayat al-Quran terbahagi kepada dua bahagian seperti yang disebutkan tadi. Yang jelas di sini di dalam al-Quran terdapat ayat *muhkam* dan ayat *mutashābih*. Allah menyebut ayat-ayat al-Quran keseluruhannya *muhkam* untuk membuktikan kepada manusia tentang keistimewaan ayat-ayat itu dari segi kemukjizatannya dan dari segi kesempurnaannya. Manakala ayat-ayat

---

<sup>18</sup>Surah Hūd: 1.

<sup>19</sup>Surah al-Zumar: 23.

*mutashābih* pula diturunkan bagi tujuan tertentu dan membuktikan kebenaran nabi.<sup>20</sup>

Ternyata di sini bahawa kebanyakan ulama Islam bersepakat supaya ayat-ayat *mutashābihāt* dikembalikan kepada ayat-ayat *muhkamāt*, dengan cara ini dapat dikekalkan maknanya yang sebenar.<sup>21</sup>

Al-Quran telah menjelaskan mengenai sifat Allah yang amat mendengar lagi Maha melihat seperti firmanNya:

لَيْسَ كَمُوْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ<sup>22</sup>

Terjemahan: "...Tidak ada sesuatu yang seumpamanya dan Dia (Allah) amat mendengar lagi amat melihat"

<sup>20</sup> al-Hamdhani, Abdul Jabbar bin Ahmad, *Mutashābih al-Qur'an*, 1: (Kaherah: s.n, t.tkh.) m.s 20-21.

<sup>21</sup> Muhamad Ja'far Shamsuddin, *op,cit*, m.s 11.

<sup>22</sup> Surah al-Sh-ra: 11.

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى <sup>23</sup>

Terjemaha: "Iaitu (Allah) al-Rahman yang bersemayam di atas 'aras'"

وَجَاءَ رَبِّكَ.. <sup>24</sup>

Terjemahan: "Dan (perintah) Tuhanmu pun datang"

كُلُّ شَيْءٍ هَا إِلَّا وَجْهَهُ... <sup>25</sup>

Terjemahan: "Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan zat Allah"

يَدُ اللَّهِ مَغْلُولَةٌ... <sup>26</sup>

Terjemahan: "...Tangan Allah terbelenggu (Bakhil - Kikir)"

---

<sup>23</sup>Surah Zâhâr: 5.

<sup>24</sup>Surah al-Fajr: 22.

<sup>25</sup>Surah al-Qâsâ': 88.

<sup>26</sup>Surah al-Mâ'idah: 64.

Apakah maksudnya sifat-sifat Allah seperti *yad*, *wajh*? Adakah tangan dan muka atau qudrat dan dhat? Apakah boleh kita mengambil makna secara zahir atau kita mentakwilkan? Ahli-ahli falsafah dan mukallimin telah membahaskannya dan mereka terus berselisih pendapat. Mereka terus melampaui batas-batas yang ditetapkan.<sup>27</sup>

Ada pun ayat-ayat *muhkamat* terang dan jelas adalah mudah dan senang difahami. Ayat-ayat *mutashābihat* (kesamaran) berkaitan dengan persoalan ghaib. Justeru itu Allah telah memuji orang-orang yang mempercayai (beriman) dengan ghaib<sup>28</sup> sebagaimana firmanNya:

الْذِكْرُ الْكَيْبَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدَىٰ الْمُسْقِيْنَ . الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ  
بِالْعَيْبِ وَيَقِيْسُونَ الصَّلَوَاتِ مَا رَزَقْنَاهُمْ يَنْفَقُونَ . وَالَّذِينَ  
يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزَلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزَلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ  
هُمْ يُوقَنُونَ . أَوْلَئِكَ عَلَىٰ هُدَىٰ مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ

<sup>27</sup> Abdul Halim Mahmud, Dr., *al-Islām Wa al-C̄Aql*, (Mesir: Dar al-Ma‘ārif, t.thk), m.s 147-148.

<sup>28</sup> *Ibid*: 143 - 144.

s.a.w sememangnya melarang perbincangan tentang qada' dan qadar serta hubungan keduanya dengan persoalan apakah manusia boleh berusaha atau sebaliknya.<sup>31</sup>

### 3.3 AYAT-AYAT *MUTASHĀBIHĀT*

Sebelum ini telah diperkatakan mengenai pengertian *mutashābihāt* dari sudut bahasa dan istilah. Maka kajian ini akan memulakan dengan ayat-ayat *mutashābihāt* yang menjadi pokok perbicaraan kajian ini yang banyak menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan ulama salaf dan khalaf. Ayat-ayat *mutashābihāt* merupakan ayat-ayat sifat yang banyak terdapat dalam al-Quran terutama yang bersabit dengan sifat Allah Taala.

Ayat-ayat sifat Allah Taala terbahagi kepada ayat-ayat sifat *fitlīyyah* dan ayat-ayat sifat *khabarīyyah* yang lebih dikenali dengan sifat *thubūt*.

---

<sup>30</sup>*Ibid.* ms 144.

### 3.3.1 Ayat-ayat Sifat *Fi ḥiyyah*

Ayat-ayat sifat *fi ḥiyyah* ialah yang membincangkan soal sifat-sifat yang menunjukkan kepada perbuatan Allah. Dalam tajuk ini amat luas perbincangannya, maka kajian ini akan membincangkan sebahagian darinya.

#### 3.3.1.1 Sifat *Istiwa' c alā carash*<sup>32</sup>

Khalil Ibn Ahmad<sup>33</sup> berkata: <sup>c</sup>Aras ialah *sarīr*<sup>34</sup> (tahta). Setiap tahta raja dinamakan <sup>c</sup>aras, dan kebiasaan orang-orang Arab di zaman Jahiliyah dan di zaman Islam perkataan <sup>c</sup>aras sangat masyhur pada ketika itu, firman Allah Taala:

وَرَفَعَ أَبُو يَهُودَةَ عَلَى الْعَرْشِ...<sup>35</sup>

<sup>32</sup>Lafaz (*Istiwā*) dalam al-Quran ada 7 kali: al-Ārāf 54, Yunus 3, al-Rād 2, Taha 1 - 5, al-Furqān 58 - 59, al-Sajadah 4 - 5, al-Hadid 4

<sup>33</sup>Khalil Ibn Ahmad Ibn Ḥamrū ibn Tamīm al-Farahidī al-Azdī salah seorang Imam dalam bidang bahasa dan kesusastraan dan penyusunan ilmu ḡarūd (perkataan yang terletak di akhir shatir pertama). Beliau dilahirkan tahun 100H di Basrah, semasa hayatnya beliau seorang yang miskin. Buku beliau bertajuk "al-<sup>c</sup>aīn" untuk bahasa dan "Tafsir Huruf al-Lughah". Beliau meninggal pada tahun 170H di Basrah. Lihat *Muṣjam al-Mūllifin* 4/112, *Tahdhīb al-Tahdhīb* 3/163, *Muṣjam al-Udabā'* 11/216-218.

<sup>34</sup>al-Baihaqī berkata dalam kitab *al-Asmā' Wa al-Ṣifāt*, m.s 392: "Pendapat ahli tafsir tentang <sup>c</sup>aras bawaha ia adalah *sarīr* yang mempunyai jisim, Allah yang menciptanya dan menyuruh malaikat membawanya dan mengagungkannya dengan melakukan ibadat tawaf".

<sup>35</sup>Surah Yusuf: 100.

Terjemahan: "Dan ia dudukkan kedua-dua ibubapanya (bersama-sama) di atas kerusi kebesaran"

أَنْكُمْ يَأْتِيَنِي بِعَرْشِهَا...<sup>36</sup>

Terjemahan: "...Siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsananya"

Dari sudut bahasa *istiwā'* mempunyai beberapa pengertian:

- I      *CItidāl*<sup>37</sup> (lurus), sebahagian Bani Tamim berkata: Maka berlaku lurus orang yang zalim dalam pergaullannya dan juga orang yang dizalimi.
- II     *Istiwa'* bererti sempurna sesuatu, sebagaimana firman Allah Taala:

وَلَمَّا كَلَّعَ أَشْدَدَهُ وَاسْتَوَى...<sup>38</sup>

Terjemahan: "Dan tetakala Musa sampai ke peringkat umurnya yang cukup kekuatannya dan sempurna"

---

<sup>36</sup>Surah al-Naml: 38.

<sup>37</sup>"استوا على ظهورك" ، "فإذا استوت أنت ومن معك على الفلك" ، "دو مسراة فاستوى" mis. yang lain seperti " ". Semua perkataan *istiwā'* bererti *CItidāl* (lurus). *Tājul al-Cariūs* 10/188.

<sup>38</sup>Surah al-Qaṣāṣ: 14.

- III      *Istiwa'* ialah *al-Qasd* (pergi) ke suatu tempat, firman Allah Taala:

فَمَّا أَسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ...<sup>39</sup>

Terjemahan: "Kemudian ia menuju dengan kehendaknya ke arah (bahan-bahan) langit"

Ayat itu bermaksud: Ia menuju ke arah makhluk-makhlukNya.

- IV      *Istiwa'* bererti *istilā'* (menguasai) kepada sesuatu.<sup>40</sup> Seperti kata-kata seorang penya'ir:<sup>41</sup>

قد اسْتَوَى بَشَرٌ عَلَى الْعَرَقِ      مِنْ غَيْرِ سِيفٍ وَدَمٍ مُهَرَّبٍ

Yang bermaksud: "Sesungguhnya semua manusia adalah sama kejadiannya, oleh itu janganlah berbunuh-bunuhan yang mengakibatkan pertumpahan darah"

---

<sup>39</sup>Surah al-Baqarah: 29.

<sup>40</sup>al-Rāghib berkata: Apabila ia dimaksudkan frasa kta depan " على " ia membawa makna *istilā'* (menguasai), *Tājul Ḫarās* 10/189.

<sup>41</sup>Iaitu kata al-Ἀκْهَلَ.

Firman Allah Taala:

الْوَمْنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى<sup>42</sup>

Terjemahan: "Iaitu (Allah) al-Rahman yang bersemayam di atas 'aras'"

Ayat ini diturunkan apabila Abu Jahal, Walid bin Mughirah, Nadar bin Harith dan Mut'im bin 'Udai berkata kepada Nabi s.a.w: Sesungguhnya kau Muhammad akan merasa susah apabila kau meninggalkan agama nenek moyang kau, lalu Rasulullah s.a.w berkata: "Sesungguhnya aku diutuskan memberi rahmat seluruh alam". Mereka berkata: Bahkan kau akan tersiksa, maka Allah Taala menurunkan ayat ini untuk menjawab tohmahan mereka dan memperkenalkan kepada Muhammad s.a.w bahawa agama Islam adalah punca segala kebahagiaan, dan segala perbuatan orang-orang musyrik adalah kesengsaraan yang nyata.<sup>43</sup>

### 3.3.1.1.1 Terjemahan Ayat *Istiwa'*

I Dalam ayat ini terdapat ramai yang mentafsirkan maksud ayat ini dengan berbagai-bagai cara, hanya yang penting dalam perkara ini tafsiran mazhab salaf salih iaitu Mâlik, al-'Auzâ'î, al-Thaurî, al-Laith bin Sa'ad, Shâfi'î, Ishak bin Rahâwch dan lain-lain dari golongan ulamak Islam lama dan baru: Berpegang

<sup>42</sup>Surah Taha: 5.

<sup>43</sup> al-Zuhailî, Wahbah, Dr. al-Tafsîr al-Munîr, juz.16, cct.1,(Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'âşir, 1411H/1991M), m.s 178

pada hukum supaya tidak mengaitkan dengan makhluk sebagaimana yang dilakukan oleh mereka yang mengaitkan sesuatu dari sifat makhluk kepada Allah tetapi sesungguhnya Allah tidak menyerupai sesuatu dari makhluknya.<sup>44</sup>

II Adapun makna *istiwā' calā al carash* iaitu singahsana raja mengikut kebiasaan raja, mereka menggunakan sebagai kata kiasan tentang raja. Sebagai contoh *istwā' polānun calā al carash* yang bermaksud raja walaupun ia tidak pernah duduk di atas singhsananya. Ini adalah kerana popularitinya itu dalam konteks ini.<sup>45</sup>

III Makna *istiwā' calā arshihī* iaitu ketinggiannya dan ketetapannya. Ahli salaf membawa tafsiran kepada ketinggian dan ketetapan. Dari sudut bahasa *Arash* adalah singahsana raja yang khas, manakala dari sudut syarak keadaan Allah duduk di atasnya di mana ia merupakan makhluk Allah yang amat besar bahkan lebih besar dari apa yang kita gambarkan. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w: "Tidak dapat dibandingkan antara langit yang tujuh dan bumi yang tujuh dengan kerusi hanya ia seumpama lingkaran pada tanah yang gersang. Kelebihan singahsana pada kursi seumpama tanah yang gersang yang dikelilingi lingkarannya"<sup>46</sup>

<sup>44</sup> al-Dimashqī, Abu al-Fida' Ismail bin Kathīr al-Qurashī, *Tafsīr al-Qurān al-Karīm*, 2; (Lubnan: 1984M/1404) m.s 220.

<sup>45</sup> al-Khawarazmī, Abi al-Qāsim Mahmud bin Omar al-Zamakhsharī, *al-Kassiyāf*, 2; (al-Dar al-'Alamiyyah, t.tkh.) m.s 530.

<sup>46</sup> al-'Othaimīn, Muhammād bin Ṣāliḥ, *Majmū' Fatāwa*, hlm: 4, m.s 281-282.

### 3.3.1.2 Sifat *al-Ma<sup>C</sup>iyyah*<sup>47</sup>

Sifat ini juga seperti sifat-sifat yang lain juga, yang bermaksud Allah hampir kepada hamba-hambanya mengikut apa yang bersesuaian denganNya. Ayat-ayat al-Quran dan hadis banyak menyebut tentang keisbatan sifat *al-Ma<sup>C</sup>iyyah*.

Firman Allah Taala:

وَهُوَ مَعْلُومٌ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ...<sup>48</sup>

Terjemahan: "Dan ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada"

#### 3.3.1.2.1 Terjemahan ayat *al-Ma<sup>C</sup>iyyah*

I Allah sebagai pemerhati di atas segala gerak-geri kamu dan melihat di atas segala perbuatan yang kamu lakukan walaupun di mana kamu berada sama ada di daratan atau di lautan pada ketika malam atau siang, juga ketika berada di

---

<sup>46</sup> Lafaz *al-Ma<sup>C</sup>iyyah* di dalam al-Quran terlalu banyak disebut. Lihat *al-Mu<sup>C</sup>jam al-Mufahras Li al-Fāz al-Qurān* oleh Muhammad Fu'ad al-Bāqī.

<sup>48</sup> Surah al-Hadid: 4.

dalam rumah atau di dalam gua. Semuanya itu baginya adalah sama di dalam pengetahuannya.<sup>49</sup>

II Allah s.w.t sentiasa bersama hamba-hambanya dengan kekuasaannya dan ilmunya. Walau di mana mereka berada sama ada di daratan, lautan dan udara, Allah sentiasa memerhati mereka dan melihat tindak tanduk mereka, kesemuanya itu bagi Allah tidak boleh disembunyikan dari pengetahuannya.<sup>50</sup>

III Ayat ini membawa kekuatan pada sifat-sifat Allah yang disebutkan sebelumnya mengenai sifat *Awwal, Akhir, Zāhir* dan *Bātin*.<sup>51</sup>

### 3.3.1.3 Sifat *al-Nuzūl*<sup>52</sup>

Firman Allah Taala:

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيهِمُ اللَّهُ فِي ظُلُلٍ مِّنَ الْعَمَامِ...<sup>53</sup>

<sup>48</sup> Ibn Kathīr, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, jil. 2, cet. 5, (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1415H/1995M), m.s 589.

<sup>49</sup> al-Zuhailī, *op.cit*, m.s 293.

<sup>51</sup> al-Zamakhsharī, *op . c i t*, m.s 61.

<sup>52</sup> Lafaz (*al-Nuzūl*) dengan makna yang sebenar tidak ada disebutkan dalam al-Quran hanya lafaz yang lain yang membawa makna *al-Nuzūl* tersebut dalam al-Quran mis. (بَيْنَ) dalam surah al-Fajr: 22, (بَيْنَ) dalam surah al-Baqarah: 210, al-Nahl: 45, al-An‘ām: 158, al-Nahl: 33.

<sup>53</sup> Surah al-Baqarah: 210.

Terjemahan: "(Orang-orang yang ingkar itu) tidak menunggu melainkan kedatangan (azab) Allah kepada mereka, dalam lindungan-lindungan awan"<sup>51</sup>

Ayat ini diturunkan: ḨAŷāk meriwayatkan dari Ibn ḨAbbas: Ayat ini diturunkan kepada Abdullah bin Sallam dan sahabat-sahabatnya, ketika mereka beriman dengan Nabi s.a.w mereka beriman dengan syariat Muhammad dan syariat Musa, terutama mereka mengagung-agungkan hari Sabtu, membenci daging unta dan susunya setelah mereka masuk Islam. Orang-orang Islam marah dengan tindak tanduk mereka lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami kuat disebabkan ini dan ini. Mereka berkata kepada Nabi s.a.w: Sesungguhnya Taurah kitab Allah, biarkan kami melakukan apa yang kami suka, lalu Allah menurunkan ayat ini.<sup>54</sup>

### 3.3.1.3.1 Terjemahan Ayat *al-Nuzūl*

I Ayat ini membawa maksud bahawa Allah Taala turun dengan cara tersendiri mengikut kehendakNya.<sup>55</sup>

II Turun Allah dalam ayat ini: Turun azab Allah sebagaimana firmanNya: \*أَوْ يَأْتِي أَمْرٌ رِّبِّكَ \*

Terjemahan:"iaitu Kami turunkan azab kepada mereka"<sup>56</sup>

<sup>54</sup> al-Zuhaili, *op.cit*, m.s 234.

<sup>55</sup> al-Dimashqī, *op.cit*, m.s 248 - 249.

<sup>56</sup> Surah al-Nahl: 33

Dalam ayat ini tidak disebut Allah sebagai orang yang menurunkan azab kerana ia harus dengan kata lain ayat ini bererti Allah turunkan azab kepada mereka atau balasannya. Oleh kerana Allah ingin menunjukkan kepada mereka kekuasaannya seperti dalam firmanNya:<sup>57</sup>

بِإِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ<sup>58</sup>"

Bermaksud: "Maka sesungguh Allah Maha gagah perkasa"

III Makna *al-nuzūl* menurut pandangan Ahlus Sunnah bahawa Allah turun dengan keadaan dirinya yang sebenar yang bersesuaian dengan keagungannya itu dan tidak sesiapa tahu bagaimana dan macam mana keadaannya hanya Allah yang lebih mengetahui. Turunnya Allah ke dunia tidak menjelaskan ketinggiannya yang unggul kerana Allah s.w.t tidak menyerupai sesuatu dan tidak boleh diukur turunnya Allah dengan turunnya makhluk ciptaanNya.<sup>59</sup>

### 3.3.1.4 Sifat *al-Majī*<sup>60</sup>

Sifat ini menerangkan bahawa Allah datang pada hari kiamat untuk memutuskan hukuman ke atas hamba-hambanya.

<sup>57</sup> al-Zamakhshar», *op.cit*; m.s 353.

<sup>58</sup> Al-Baqarah: 220

<sup>59</sup> al-'Othaimīn, Muhammad bin Ṣāliḥ, *Majmū' Fatawa*, 4; m.s. 286.

<sup>60</sup> Lafaz *al-Majī*' disebut sekali di dalam Surah al-Fajr: 22.

Firman Allah Taala:

وَجْهَ رَبِّكَ وَالْمَلَكُ صَفَا صَفَا<sup>61</sup>

Terjemahan: "Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah)"

### 3.3.1.4.1 Terjemahan ayat *al-Majī'*

I Allah s.w.t telah datang untuk menentukan perhitungan dengan hamba-hambanya, mengeluarkan perintah dan balasan dengan hisab dan menunjukkan tanda-tanda kekuasaannya dan kebesarannya. Semua malaikat berdiri berbaris-baris untuk mengawal pada hari itu yang mana keadaan ini menunjukkan sifat kedua hari kiamat.<sup>62</sup>

II Iaitu Allah datang untuk membuat perhitungan dengan manusia, oleh yang demikian itu setelah mereka mendapat petunjuk dan hidayah daripada penghulu anak Adam iaitu Nabi Muhammad s.a.w, juga mereka bertanya kepada para uli al' Azm daripada rasul-rasul satu persatu, semuanya berkata: Aku bukan orang yang kamu maksudkan sehingga sampai kepada giliran Nabi Muhammad s.a.w lalu berkata: "Aku boleh lakukan, aku boleh lakukan" Maka Rasulullah pergi dan memohon syafaat kepada Allah Taala sesampainya ia untuk membuat perhitungan, lalu Allah menerima permohonan Rasulullah dan memberi syafaat

<sup>61</sup>Surah al-Fajr: 22.  
<sup>62</sup>al-Zuhaili, *op.cit* m.s 238

kepadanya. Inilah syafaat yang pertama dari Allah dan merupakan tempat yang amat terpilih.<sup>63</sup>

III Ayat ini menggambarkan keadaan Allah pada hari itu (kiamat) seperti keadaan seorang raja, apabila tiba dirinya nampak hebat, ketrampilan seorang raja nyata sekali berjalan dengan penuh megah dan berkuasa. Semua malaikat turun dari segenap langit berbaris-baris dengan memerhatikan sepenuhnya kepada jin-jin dan manusia.<sup>64</sup>

### 3.3.1.5 Sifat *al-Kalām*<sup>65</sup>

Firman Allah Taala:

وَكَلَمُ اللَّهِ مُوسَىٰ أَكْلَمِيًّا<sup>66</sup>

Terjemahan: "Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-katanya (secara langsung tidak ada perantaraan)"

<sup>63</sup>Ibn Kathir, *op.cit*, m.s 738-739.

<sup>64</sup>al-Zamkhasharī, *op.cit*, m.s 253.

<sup>65</sup>Lafaz (*Kalām*) disebut 3 kali: al-Nisa' 164, al-Taubah 6, ali <sup>c</sup>Imran 77.

<sup>66</sup>Surah al-Nisa': 164.

### **3.3.1.5.1 Terjemahan ayat *al-Kalām***

I Penghormatan bagi Musa a.s dengan sifat ini. Oleh itu beliau digelar dengan nama *al-Kalīm*.<sup>67</sup>

II Ayat ini menimbulkan perselisihan faham dalam menentukan kalam Allah itu *qadīm* kerana ia membawa kepada sifat dhat. Pendapat sebahagian dari Mu'tazilah mengatakan bahawa kalam Allah mempunyai huruf-huruf dan suara yang bergantung kepada jisim tetapi pendapat mereka ditolak berdasarkan ia bertentangan dengan dhat Allah dan keingkaran mereka pada kalam yang terdapat dalam diri Musa a.s yang diberi oleh Allah kepadanya keistimewaan berkata-kata dengan Allah.<sup>68</sup>

III Allah s.w.t berkata-kata dengan huruf dan suara dengan caraNya yang tersendiri. Kalam Allah bersifat dhat jika diukur dari segi jenisnya dan bersifat *fi'l* jika dilihat dari segi keesaannya yang unggul.<sup>69</sup>

---

<sup>67</sup>al-Dimashqī, *op.cit*, m.s 587.

<sup>68</sup>al-Zamkhasharī, *op.cit* m.s 530.

<sup>69</sup>al-'Othaimīn, *op.cit*, m.s 61.

### 3.3.1.6 Sifat *al-Muhabbah*<sup>70</sup>

Sifat ini tercapai antara hamba yang mendapat kasih sayang Allah kerana ia adalah dari golongan orang-orang yang bertakwa dan melakukan kebaikan.

Firman Allah Taala:

وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ<sup>71</sup>

Terjemahan: "Dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan perbuatan kamu, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya"

al-Sha<sup>c</sup>bī berkata: Ayat ini diturunkan kepada kaum Ansar yang enggan membelanjakan harta mereka pada jalan Allah.<sup>72</sup>

al-Bukhārī meriwayatkan melalui Hudhaīfah, ia berkata: Ayat ini diturunkan mengenai nafkah. Abu Daud juga meriwayatkan yang disokong oleh al-Tarmizī, Ibn Habān al-Hākim dan lain-lain, dari Abi Ayub al-Anṣārī berkata: Ayat ini diturunkan kepada kaum Ansar, mereka telah dimuliakan oleh Allah kerana memeluk agama Islam dan ramai penyokong-penyokong mereka, sebahagian dari mereka berkata-kata secara rahsia: Harta kami hampir habis, Allah

<sup>70</sup> Lafaz *al-Mahabbah* digunakan dengan berbagai-bagai keadaan yang berkaitan dengan orang-orang yang beriman. Lihat *al-Mu<sup>c</sup>jam al-Mufahras Li al-Fāz al-Qurān al-Karīm*.

<sup>71</sup> Surah al-Baqarah: 195.

<sup>72</sup> al-Zuhailī, *op.cit*, m.s 177.

telah memuliakan kami dengan Islam, jika kami terus menggunakan harta kami untuk kebaikan nescaya akan habis harta itu, lalu Allah menurunkan ayat ini untuk menjawab balik apa yang kami katakan itu.<sup>73</sup>

### 3.3.1.6.1 Terjemahan ayat *al-Mahabbah*

I Elokkan amalan iaitu memperbaiki amalan-amalan kamu dengan perbuatan taat dan tekun melakukannya, Allah suka kepada orang-orang yang baik dan ia akan memberi balasan dengan sebaik-baiknya.<sup>74</sup>

II Ayat ini merupakan suruhan supaya membelanjakan harta pada jalan Allah iaitu semua perkara yang tidak bercanggah terutama membelanjakan harta untuk memerangi musuh-musuh Islam supaya orang-orang Islam kuat dengan adanya sokongan seperti itu. Juga memberitahu supaya meninggalkan perbuatan yang tidak berfaedah seperti kerosakan dan kehancuran yang selalu dilakukannya, selain dari itu ayat ini menyebut semula perkara ihsan iaitu kedudukan taat yang paling tinggi di sisi Allah.<sup>75</sup>

III Hubungan ayat ini ialah setelah memberi amaran kepada mereka yang tidak mahu membelanjakan harta mereka ke jalan Allah atau membazirkan hartanya hingga menjadi papa atau mendedahkan diri mereka kepada kebinasaan

---

<sup>73</sup>*Ibid.* 177

<sup>74</sup>*Ibid.* 182.

<sup>75</sup>Ibn Kathir, *op.cit* m.s 229

atau meninggalkan peperangan yang menyebabkan pihak musuh menjadi lebih kuat.<sup>76</sup>

### 3.3.1.7 Sifat *al-Rahmah*<sup>77</sup>

Firman Allah Taala:

وَرَبُّكَ الْعَنِيْدُ دُو الرَّحْمَةِ...<sup>78</sup>

Terjemahan: "Dan Tuhanmu Maha Kaya lagi melimpah-limpah rahmatNya"

#### 3.3.1.7.1 Terjemahan ayat *al-Rahmah*

I Tuhan kamu wahai Muhammad dia Yang Maha kaya dari semua makhluknya, mereka semua miskin dari semua perkara dan keadaan. Dia (Allah) dengan sifat itu mempunyai rahmat yang luas dan meliputi semuanya.<sup>79</sup>

II Wahai Muhammad: al-Mughni ialah semua yang berkaitan dengan makhluknya dari semua perkara dan mereka sangat miskin dan berhajat

---

<sup>76</sup> al-Zamakhsharī, *op.cit* m.s 342.

<sup>77</sup> Lafaz *al-Rahmah* disebut berkali-kali di dalam al-Quran.

<sup>78</sup> Surah al-An'ām: 133.

<sup>79</sup> al-Zuhailī, *op.cit* m.s 51.

kepadanya, Allah dengan yang demikian itu bersifat Maha mengasihi terhadap mereka.<sup>80</sup>

III Ayat ini menerangkan mengenai hamba-hambanya dan mengenai ibadat mereka. Allah sangat kasih dan sayang terhadap mereka dengan memberikan mereka bebanan untuk mereka mendapatkan berbagai-bagai nikmat di muka bumi ini.<sup>81</sup>

### 3.3.1.8 Sifat *al-Reda*<sup>82</sup>

Firman Allah Taala:

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ...<sup>83</sup>

Terjemahan: "Allah redha akan mereka"

Diriwayatkan Ibn Abi Hätim dan al-Tabarī, Abu Na'im di dalam al-Halīyyah dan al-Baihaqī di dalam al-Sunan. Hadis ini dari Ibn Abbas dari

<sup>80</sup>al-Dimashqī, *op.cit* m.s 178.

<sup>81</sup>al-Zamakhsharī, *op.cit*, m.s 52.

<sup>82</sup>Lafaz *al-Reda* disebut di dalam Surah al-Mā'idah: 119, Surah al-Taubah: 100, Surah Taha: 109, Surah al-Fath: 18, Surah al-Mujādalah: 22 dan Surah al-Baiyyinah: 8

<sup>83</sup>Surah al-Mujādalah: 22.

Abdullah Ibn Shudhab berkata: Ayat ini diturunkan kepada Abi <sup>c</sup>Ubaidah Ibn al-Jarrāh setelah ia membunuh ayahnya ketika perang Badar.<sup>84</sup>

### 3.3.1.8.1 Terjemahan ayat *al-Reda*

I        Mereka tidak akan tergamak berkasih mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasulnya. Allah telah tetapkan iman mereka yang sebenar di dalam jiwa mereka kekuatan mereka hanya untuk mendapat kemenangan ke atas musuh mereka di dunia ini. Ini yang dinamakan kejayaan dengan jiwa yang sebenar. Kerana mereka dapat menghidupkan jiwa mereka dengan melaksanakan suruhan Allah, mereka akan dimasukkan ke dalam syurga yang mengalir anak-anak sungai melalui istana dan pokok di sekelilingnya, mereka tinggal di dalamnya sampai bila-bila. Semua ini kerana amalan mereka telah diterima Allah dan mereka dicucuri rahmat serta kegembiraan selama-lamanya.<sup>85</sup>

II       Sebuah rahsia yang paling unik iaitu membawa kepada cara bagaimana ketika mereka dalam keadaan marah terhadap keluarga mereka, maka kepada Allah tempat mereka mengharapkan keredhaannya, juga merelakan apa yang telah diberikan kepada mereka dengan berbagai-bagai nikmat.<sup>86</sup>

---

<sup>84</sup>al-Zuhaili , *op.cit*, m.s 57.

<sup>85</sup>al-Zuhaili, *op.cit*, m.s 59.

<sup>86</sup>al-Dimashqī, *op.cit*, m.s 328.

III Ayat ini menguatkan janji-janji Allah kepada mereka yang jiwa-jiwa mereka sentiasa hidup (keimanan), berjuang pada jalan Allah dan sanggup berjihad kerana Allah.<sup>87</sup>

### 3.3.1.9 Sifat *al-Ta'ajub*<sup>88</sup>

Firman Allah Taala:

وَلَنْ تَعْجِبْ فَعَجَبْ قَوْلُهُمْ أَئِذَا كَانُوا نُرَآءًا...<sup>89</sup>

Terjemahan: "Dan jika engkau ada merasa hairan (wahai Muhammad) maka sesungguhnya menghairankan perkataan mereka yang kafir itu"

### 3.3.1.9.1 Terjemahan ayat *al-Ta'ajub*

I Jika kau merasa hairan wahai Muhammad dengan pembohongan orang-orang musyrik itu yang menyembah berhala walaupun Allah telah menunjukkan dalil-dalil dari ayat-ayat al-Quran mengenai kekuasaannya menjadikan sesuatu mengikut kehendaknya, ini diakui sendiri oleh mereka mengenai kejadian yang sebelum ini belum diketahui keadaannya. Jika kau merasa hairan dengan perkara itu sebenarnya apa yang menjadi kehairanan kepada kamu

<sup>87</sup> al-Zamakhsharī, *op.cit*, m.s 78.

<sup>88</sup> Lafaz *al-Ta'ajub* disebut sekali sahaja di dalam surah al-Rā' d: 5.

<sup>89</sup> Surah al-Rā' d: 5.

dan kepelikanan ialah pendustaan mereka terhadap hari kebangkitan dan kiamat dengan kata mereka: Bolehkah kau menghidupkan manusia yang telah mati dan telah menjadi tanah?<sup>90</sup>

II Allah berfirman kepada Rasulnya Muhammad s.a.w tentang pendustaan orang-orang musyrik mengenai hari akhirat walaupun sudah terbukti dihadapan mereka bukti-bukti tentang kebesaran Allah Taala dan dalil-dalil lain mengenai kejadiannya, kesemua ini sudah cukup membuktikan bahawa Allah Maha Berkuasa dengan apa yang dikehendaki. Di samping itu mereka mengakui bahawa Allah punca semua kejadian sebelum diciptakannya, kemudian mereka mendustakan berita itu dengan mengatakan bahawa ia akan kembali semula ke dunia dengan keadaan yang baru. Mereka mengakui dengan apa yang mereka saksikan kepada apa yang lebih menghairankan dari apa yang mereka lakukan daripada penipuan dan pendustaan mereka, sebaliknya yang menghairankan ialah dari kata-kata mereka itu.<sup>91</sup>

III Wahai Muhammad mengenai kata-kata mereka yang mengingkari hari kiamat, pada hakikatnya kata-kata mereka itu yang pelik yang sepatutnya mereka merasa hairan, ini kerana kekuasaan Allah untuk mencipta sesuatu yang lebih besar terutama tentang kejadian mereka adalah lebih mudah. Keingkaran mereka itu adalah yang paling ganjil sekali.<sup>92</sup>

---

<sup>90</sup> al-Zuhailī, *op.cit* m.s 111 - 112.

<sup>91</sup> al-Dimashqī, *op.cit*; m.s 500.

<sup>92</sup> al-Zamakhsharī, *op.cit*, m.s 349.

### 3.3.1.10 Sifat *al-Ghadab*<sup>93</sup>

Firman Allah Taala:

مَنْ لَعَنَهُ اللَّهُ وَغَضِبَ عَلَيْهِ...<sup>94</sup>

Terjemahan: "Ialah orang-orang yang dilaknat oleh Allah dan dimurkaNya"

Diriwayatkan oleh Abu al-Sheikh Ibn Ḥabān al-Anṣārī al-Asfāḥānī (274H) dari Ibn <sup>c</sup>Abbas berkata: Ada pun Rifa<sup>c</sup>ah Ibn Yazīd Ibn al-Tabūt dan Sūwaīd Ibn al-Harith kedua-duanya hanya berpura-pura Islam para zahirnya sebaliknya mereka berdua munafik. Seorang lelaki dari golongan orang-orang Islam amat sayang kepada kedua-duanya, maka Allah menurunkan ayat ini.<sup>95</sup>

#### 3.3.1.10.1 Terjemahan ayat *al-Gadab*

I Tidakkah la telah memberitahu kamu tentang kejahatan yang kamu lontarkan kepada kami dan sangkaan buruk terhadap kami, ini adalah balasan bagi mereka yang telah dilaknat Allah.<sup>96</sup>

<sup>93</sup>Perkataan *al-Ghadab* ada disebutkan lima kali di dalam al-Quran: Surah al-Nisā': 93, Surah al-Mā'idah 60, Surah al-Fath 6, Surah al-Mujadalah 14 dan Surah al-Mumtahinah 13

<sup>94</sup> Surah al-Mā'idah: 60.

<sup>95</sup>al-Zuhailī , *op.cit*, m.s 240.

<sup>96</sup>*Ibid*. m.s 242.

II Ia jauh dari rahmat Allah kerana kemurkaaNya dan tidak redha buat selama-lamanya.<sup>97</sup>

III Katakanlah (Muhammad) tidakkah aku telah memberitahu kamu berita tentang neraka?<sup>98</sup>

### 3.3.2 Ayat-ayat sifat *Khabarīyyah (dhat)*

Ayat-ayat sifat dhat iaitu membicarakan soal sifat kesempurnaan yang wajib bagi Allah Taala. Kajian ini akan membincangkan sifat-sifat itu.

#### 3.3.2.1 Sifat *al-wajh*<sup>99</sup>

Firman Allah Taala:

<sup>100</sup> وَيَقِنُّ وَجْهَ رَبِّكَ دُوَّالْ جَلَالٍ وَالْأَكْرَامِ

Terjemahan: "Dan akan kekallah wajh Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan"

<sup>97</sup> al-Dimashqī, *op.cit*, m.s 72

<sup>98</sup> al-Zamakhsharī, *o p . c i t*, m.s 625.

<sup>99</sup> Lafaz (*al-Wajh*) ada 2: Surah al-Rahman 27 dan surah al-Qaṣāṣ 88.

<sup>100</sup> Surah al-Rahman: 27.

### 3.3.2.1.1 Terjemahan ayat *al-Wajh*

I Allah mensifatkan dirinya dengan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan yang bermaksud bahawa Dia yang memiliki kebesaran dan jangan sekali ingkar dan derhaka.<sup>101</sup>

II Dhat Allah dan *wajh* menggambarkan keseluruhan mengenaiNya dan dhatNya.<sup>102</sup>

III *Wajh* adalah salah satu sifat dhat Allah yang tetap yang bersesuaian denganNya. Kebesaran Allah dan kemuliaanNya itu dapat memberi kepada mereka yang taat kepadaNya tempat yang mulia di sisiNya.<sup>103</sup>

### 3.3.2.2 Sifat *al-Nafs*<sup>104</sup>

Firman Allah Taala:

وَاصْطَعْنُكَ إِنْفَسِي<sup>105</sup>

Terjemahan: "Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi rasulKu"

<sup>101</sup> al-Dimashqī, *op. cit.* f; m.s 273.

<sup>98</sup> al-Zarnakhsharī, *op.cit.* m.s 46.

<sup>103</sup> al-'Othaimīn, *op.cit.* m.s 274.

<sup>104</sup> Lafaz *al-Nafs* disebut di dalam al-Quran banyak hanya yang dikaitkan kepada diri Allah Taala disebut di dalam surah Taha: 41, surah ali Imrān: 28 dan 30.

<sup>105</sup> Surah Taha: 41.

### **3.3.2.2.1 Terjemahan ayat *al-Nafs***

I      Aku telah memilihmu untuk menyampaikan risalahku dan suruhanku sebagai dalil kerasulanmu, dan aku jadikan kau rasul ku untuk manusia semua untuk menyampaikan agama yang benar, dan memberi hidayah kepada jalan yang diredhai Allah.<sup>106</sup>

II      Aku telah memilihmu (Muhammad) dan melantikmu sebagai rasul untuk diriku iaitu sebagaimana yang aku inginkan.<sup>107</sup>

III      Ayat ini bermaksud cara bagaimana Allah menyesuaikan keadaan penjagaan dan pendidikan di zaman itu yang memerlukan kepada belas kasihan dan kasih sayang. Sebagaimana Firaun pertama kali merasakan kasih dan sayang terhadap Nabi Musa.<sup>108</sup>

### **3.3.2.3 Sifat *al-Yad*<sup>109</sup>**

Perkataan *al-Yad* dalam bahasa: Nikmat dan ihsan.

---

<sup>106</sup>al-Zuhailī, *op.cit*, m.s 210.

<sup>107</sup>Ibn Kathīr, *op.cit*, m.s 32.

<sup>108</sup>al-Zamakhsharī, *op.cit*, m.s 537.

<sup>109</sup>Lafaz (*al-Yad*) disebut 2 kali: Surah Ṣad 75 dan al-Mā''idah 64.

Pengertian *al-Yad* itu membawa maksud yang berkaitan dengan rezeki dan nafkah kerana ia termasuk di dalam nikmat. Ayat-ayat yang menyebut *al-Yad* banyak di antaranya:

Firman Allah Taala:

بَلْ يَدَهُ مَبْسُطَانٌ...<sup>110</sup>

Terjemahan: "Bahkan kedua yad Allah sentiasa terbuka (nikmat dan kurniaNya luas melimpah-limpah)"

### 3.3.2.3.1 Terjemahan ayat *al-Yad*

I        Allah yang amat luas kemuliaannya dan pemberiannya baginya segala macam gedung simpananNya, Dia yang mencipta segala keperluan untuk kita, malam dan siang, dan semua keadaan.<sup>111</sup>

II        *al-Yad* Allah adalah salah satu dari sifat dhat Allah yang bersesuaian denganNya, kerana Allah memberi rezeki mengikut kehendakNya dan menariknya

---

<sup>110</sup>Surah al-Mā''idah: 64.

<sup>111</sup>al-Dimashqī, *op.cit*, m.s 75.

apabila dikehendaki. Tidak boleh ditafsirkan tangan itu dengan kuasa kerana ia menyalahi lafaz yang zahir.<sup>112</sup>

III Ayat ini menggunakan duaan kepada al-Yad ( يَدُه مِبْسُوطَان )

dan singular kepada ( يَدُ اللَّهِ مَغْلُولَة ) - ini kerana untuk menjawab pertanyaan mereka serta keingaran mereka, oleh itu ayat ini lebih menonjol dan lebih menarik lagi untuk mengisbatkan kelebihan sifat dermawan bagi Allah serta menolak sifat bakhil. Ayat ini menggunakan kiasan untuk menunjukkan kelebihan sifat itu kepada dirinya.<sup>113</sup>

### 3.3.2.4 Sifat *al-'Aṣābi*<sup>114</sup>

Firman Allah Taala:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعاً فَيَبْصُرُهُمْ الْقِيَامَةُ  
وَالسَّمَاوَاتُ مَطْوِيَّاتٍ بِيمِينِهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشَرِّكُونَ<sup>115</sup>

<sup>112</sup> al-'Othaimain, *op.cit*, m.s 474.

<sup>113</sup> al-Zamakhshari, *op.cit*, m.s 628.

<sup>114</sup> Lafaz *al-'Aṣābi* tidak banyak digunakan dengan lafaz yang sebenar tetapi maksud ayat itu sama dengan maknanya, seperti disebut di dalam surah al-Zumar: 67.

<sup>115</sup> Surah al-Zumar: 67.

Terjemahan:"*Dan mereka (yang musyrik) tidak menghormati Allah dengan cara penghormatan yang sewajibnya diberikan kepadanya, sedang bumi seluruhnya - pada hari kiamat dalam gangaman kuasanya, dan langit tergulung dengan kuat kuasanya. Maha suciyah Ia dan tertinggi keadaannya dari apa yang mereka sekutukan"*

Diriwayatkan oleh al-Tarmizi dan disahihkannya dari Ibn <sup>C</sup>Abbas berkata:

Seorang Yahudi datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: Bagaimana engkau katakan Wahai ayah Qasim bahawa Allah meletakkan langit di hujung jarinya, bumi di hujung jarinya, air di hujung jarinya dan gunung-ganang di hujung jarinya, lalu Allah turunkan ayat ini.<sup>116</sup>

### 3.3.2.4 Terjemahan ayat *al-'Aṣābi*<sup>C</sup>

I        Sesungguhnya bumi ini dibawah kekuasaan Allah, langit juga tunduk dan patuh kerana kekuasaannya serta kebesarannya, Mah Suci Allah dari segala yang menyekutuinya dengan sesuatu yang mereka jadikan tuhan di samping Allah, yang dimaksudkan dengan *al-Yamīn* ialah kekuasaan.<sup>117</sup>

II        Rasulullah s.a.w berkata begini dengan tangannya mengerak-gerakkannya ke kiri dan ke kanan Allah memuliakan dirinya dengan mengatakan

---

<sup>116</sup>al-Zuhailī, *op.cit* m.s 47.

<sup>117</sup>*Ibid.* m.s 50.

Aku Yang Maha Perkasa Aku Yang memiliki Segala Kebesaran Aku Maharaja Teragung Aku Maha Kuasa dan Perkara Aku Yang Maha Dermawan, maka bergoncang minbar kerana kegerunan Rasulullah s.a.w dengan sifat Allah itu.<sup>118</sup>

III Ayat ini bertujuan mengambarkan kebesaran Allah Taala dan tidak boleh membahaskan tentang hakikatnya dengan makna yang sebenarnya atau dengan kiasan.<sup>119</sup>

### 3.3.2.5 Sifat *al-Sāq*<sup>120</sup>

Sifat *al-Sāq* disebut di dalam al-Quran dalam satu ayat sahaja, sebagaimana firman Allah Taala:

يَوْمَ يُكَشَّفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِعُونَ<sup>121</sup>

Terjemahan: "Ingatlah orang-orang yang tidak beriman akan masa didedahkan *al-sāq*, dan mereka diseru melakukan sujud, maka mereka tidak dapat melakukannya"

<sup>118</sup>al-Dimashqī, *op.cit*; m.s 62-63.

<sup>119</sup>Al-Zamakhsharī, *op.cit*, m.s 408

<sup>120</sup>Lafaz *al-Sāq* disebut di dalam surah al-Qalam: 42 dan surah al-Qiāmah: 29.

<sup>121</sup>Surah al-Qalam: 42.

### 3.3.2.5.1 Terjemahan ayat *al-Sāq*

I Mereka semua datang dengan sekutu mereka untuk menyelamatkan diri mereka pada hari kiamat, ketika itu mereka dari kalangan orang-orang kafir dan munafik dipanggil untuk sujud kepada Allah sebagai sindiran kepada mereka yang telah mengabaikannya ketika di dunia, akan tetapi mereka tidak mampu berbuat demikian kerana belakang mereka telah menjadi satu dan tidak boleh melakukan sujud.<sup>122</sup>

II Yang dimaksudkan *al-Sāq* di dalam ayat ini iaitu hari kiamat, bagaimana keadaan hari itu yang memperlihatkan kepada manusia betapa dahsyatnya hari itu.<sup>123</sup>

III Ayat ini bermaksud hari yang sangat genting dan mengerunkan di mana tidak ada halangan dan benteng. Perkataan *al-Sāq* pula iaitu *al-Sāq* yang khusus yang dijanjikan oleh Allah ialah *Sāq al-Rahman*. Walaupun digunakan nakirah ini menunjukkan perkara itu amat penting yang tidak boleh terlepas daripada menghadapinya.<sup>124</sup>

---

<sup>122</sup>al-Zuhailī, *op.cit*, m.s 69.

<sup>123</sup>Ibn Kathīr , *op.cit*, m.s 663.

<sup>124</sup>al-Zamakhshara, *op.cit*, m.s 147.

### 3.3.2.6 Sifat *al-<sup>C</sup>Aīn*<sup>125</sup>

Sifat *al-<sup>C</sup>Aīn* merupakan sifat Allah yang tidak boleh digambarkan dengan bentuk dan keadaan rupanya.

Sifat *al-<sup>C</sup>Aīn* ada disebut di dalam al-Quran dengan perkataan mufrad dan ada juga digunakan dengan perkataan jamak.

Firman Allah Taala:

وَلَا يُصْنَعُ عَلَىٰ عَيْنِي<sup>126</sup>

Terjemahan: "Dan supaya engkau dibela dan dipelihara dengan pengawasanku"

#### 3.3.2.6.1 Terjemahan Ayat *al-<sup>C</sup>Aīn*

I Dan supaya engkau mendapat belaan dan peliharaan dengan pengawasan dan perlindunganku.<sup>127</sup>

---

<sup>124</sup> Lafaz *al-<sup>C</sup>Aīn* disebut di dalam surah Taha: 39.

<sup>126</sup> Surah Taha: 39.

<sup>127</sup> al-Zuhaili, *op.cit*, m.s 209.

II Supaya aku dapat mengawasi. Abdul Rahman Ibn Zaid Ibn 'Aslam berkata: Ayat ini bermaksud "Aku memberikan kepadanya segala nikmat dan kemewahan di rumah seorang raja di mana mereka menikmati hidangan dan santapan raja, ini yang dimaksudkan dalam ayat dengan tugas pencipta".<sup>128</sup>

III Supaya engkau dibela dan diberi segala kebaikan kerana aku adalah pelindungmu. Sebagaimana seorang lelaki mengawasi sesuatu dengan matanya jika ia sangat mengambil berat tentangnya. Atau Kamu berkata kepada pembuat: Buat kserja ini dengan pengawasan agar engkau tidak melakukan kesilapan.<sup>129</sup>

### 3.3.2.7 Sifat *Ru'yah Allah Ta'ala*<sup>130</sup>

Firman Allah Taala:

وُجُوهٌ يَوْمَئِنْ نَاضِرَةٌ مَّلِي رِبَّهَا نَاظِرَةٌ<sup>131</sup>

<sup>128</sup>Ibn Kathîr, *op.cit*, m.s 147.

<sup>129</sup>al-Zamakhsharî, *op.cit*, m.s 516.

<sup>130</sup>Lafaz (*Ru'yah Allah*) tidak digunakan dalam al-Quran bagi tujuan tersebut, dalam al-Quran banyak menggunakan lafaz (*nâṣara*) atau (*bâṣara*). Lafaz itu disebut 2 kali: Surah al-Qiâmah 22 dan surah al-An'am 103

<sup>131</sup>Surah al-Qiâmah 22

Terjemahan: "Pada hari akhirat itu muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri"

### 3.3.2.7.1 Terjemahan ayat *Ru'yah*

I Wajah yang berseri-seri<sup>132</sup> melihat Allah dengan mata mereka sendiri sebagaimana diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab sahihnya:

<sup>133</sup> انکم ستون ربکم عیانا

Yang bermaksud: "Sesungguhnya kamu akan melihat Tuhan mu dengan mata kamu sendiri"

II Melihat Allah dalam ayat ini membawa keadaan melihat secara syumul kepada sesiapa yang tidak menyerupainya. Kita melihat seoang kekasih di dunia ini apabila ia dapat melihat kekasihnya dia tidak akan berpaling walau seketika dan ini tidak berkesan kepadanya. Bagaimana dengan orang yang kasihkan Allah Azzawajalla tersilap melihat wajahNya yang mulia? Kami memohon kepada Allah Yang Maha Agung tidak memalingkan mukanya dari kami dan lindungilah kami dari kesesatan perkara-perkara bid'ah dan syubha.<sup>134</sup>

<sup>132</sup> al-Dimashqi, *op.cit*, m.s 450

<sup>133</sup> *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Tauhid hadis no. 6883, m.s 162

<sup>134</sup> al-Zamakhsharī, *op.cit*, m.s 530.

III Dalil Allah melihat telah dinyatakan dalam firman Allah Taala: " لَلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْخَيْرَ وَزِيادةً " , Nabi s.a.w mentafsirkannya lafaz " زَبَادَةً " dengan melihat wajah Allah.

### 3.4 KESIMPULAN

Dalam kajian ini membentangkan tentang pengertian *mutashābihāt* dengan makna yang luas mengikut penggunaannya, walaupun penggunaannya berbeza tetapi maknanya hampir-hampir sama antara satu dengan yang lain.

Di samping itu juga dibawa beberapa ayat-ayat *mutashābihāt* yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah fi<sup>C</sup>liyah dan khabariyyah, dalam konteks ini dijelaskan maksud ayat-ayat tersebut mengikut tafsiran ulama-ulama tafsir. Dalam tafsiran itu, tidak terdapat perbezaan yang ketara antara tafsiran salaf dan khalaf, kerana mereka berpegang pada hukum supaya tidak mengaitkan dengan makhluk atau menyamakan Allah dengan makhluk. Walaupun terdapat ada yang mentafsirkan dengan makna yang zahir tetapi mereka masih kekal dengan hukum tidak menyerupakan Allah dengan makhluk.

Dengan penjelasan itu, kajian ini merumuskan bahawa apa-apa yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah tidak boleh dihuraikan dan diolah mengikut hawa nafsu dan melulu buta kerana ini akan menjelaskan kefahaman orang awam tentang akidah yang boleh menggugat keimanan mereka. Oleh itu, perlunya pendedahan dan penjelasan yang betul dalam ayat-ayat al-Quran terutama dalam ayat-ayat *mutashābihāt*.